

SYARAT PERMIT BANGUNAN SEMENTARA

1. Memberi perakuan atas pelan akan menunaikan syarat-syarat berikut sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan.
- 1.1 Memastikan pelan-pelan berikut diluluskan :
a) Pelan Kerja Tanah b) Pelan Jalan & Parit c) Pelan Struktur d) Pelan Sanitari Dalam
- 1.2 Mengemukakan satu salinan pelan '*Setting Out*' yang sah dan surat daripada juruukur mengesahkan bahawa '*setting out*' tambahan dan paras tanah untuk tapak cadangan adalah mengikut kehendak Pelan Bangunan, Jalan dan Parit yang telah diluluskan.
- 1.3 Mendapatkan Surat Pengesahan Aras Tambunan Tanah dari Jabatan Kejuruteraan Majlis sebelum Notis Mula Kerja (Borang B) dikemukakan.
- 1.4 Depositkan pelan struktur / sanitari dalaman sebelum mula kerja.
- 1.5 Mengemukakan pelan untuk pemandangan daratan & tanaman pokok kepada Jabatan Landskap Majlis.
- 1.6 Menunjukkan bukti telah mendapat kelulusan pecah sempadan & pohon hakmilik sementara.
2. PSP mengesahkan dan mengaku bahawa pelan bangunan adalah setara dengan pelan kebenaran merancang yang diluluskan dan akan mematuhi ulasan serta syarat-syarat jabatan teknikal.
3. Pemaju dikehendaki membeli insuran untuk menjamin keselamatan orang ramai, harta benda dan bangunan-bangunan yang bersempadan serta mengambil gambar bangunan-bangunan sedia ada yang terdapat bersebelahan sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan.
4. **Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)** - Mengemukakan Borang B (Mula Kerja), Borang G1-G21 secara berperingkat semasa pembinaan serta Borang F setelah siap pembinaan ke OSC MBSP.
5. **PEMASANGAN PAPAN TANDA DI TAPAK PEMBINAAN :**
Mengadakan papan tanda projek beserta maklumat-maklumat yang lengkap sepanjang kerja pembinaan dijalankan (Nama Pemaju, Alamat, No. Telefon, Nama Arkitek, Jurutera, No. Pelan & Tarikh Lulus Pelan Bangunan dll.)
6. **PERMIT PEJABAT, BANGSAL KERJA SEMENTARA DAN PAPAN DENDENG (HOARDING) :**
Mengemukakan permohonan pelan permit sementara untuk pejabat sementara, bangsal sementara dan lain-lain binaan sementara yang dicadangkan serta mengadakan Papan Dendeng (*Hoarding*) untuk keselamatan pembinaan di tapak.
7. **KAWASAN TAPAK & RUMAH PEKERJA :**
Syarat-syarat pagar dipatuhi dan memastikan kebersihan kawasan tempat bekerja. Rumah pekerja hendaklah teratur dan disediakan dengan kemudahan tandas yang sempurna.
8. **BAHAN-BAHAN & SISA BINAAN :**
Menjaga kebersihan kawasan kerja-kerja pembinaan dan memastikan bahan / sisa binaan tidak mengganggu jiran, lalulintas serta persekitaran. Semua bahan / sisa binaan hendaklah diletak dalam lot berkenaan sahaja dan di larang letak di luar lot / di tepi jalan kecuali menggunakan tong roro. Majlis berhak mengarahkan penggunaan tong roro sekiranya gagal menjaga kebersihan seperti yang disyaratkan.
Sisa pembinaan hendaklah dilupuskan di tapak yang dibenarkan oleh Majlis dan dibuang mengikut 'Environmental Quality Regulation' (Schedule Waste 1989). Pemohon dikehendaki berhubung terus dengan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran untuk tujuan tersebut.

Catitan : Tandakan yang berkaitan

9. **BAHAN-BAHAN TEMPATAN :**
Penggunaan 60% bahan-bahan tempatan untuk pembinaan projek.
10. **PENGUNAAN BAHAN :**
Penggunaan bahan asbestos tidak dibenarkan.
11. **KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA:**
Menyediakan keperluan Orang Kurang Upaya (OKU) seperti *ramp*, tempat letak kereta, *tactile (guiding blocks)*, kemudahan lift, bilik air dan lain-lain kemudahan yang memenuhi piawaian MS1183,MS1184, MS1331 dan MS2015.
12. **PEMASANGAN CCTV :**
Memasang CCTV di tempat letak kereta tingkat bawah tanah dan kawasan lain yang dikenalpasti oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.
13. **REKABENTUK BANDAR SELAMAT :**
Digalakkan merekabentuk ciri-ciri bandar selamat melalui rekabentuk susunatur, rekabentuk bangunan dan tempat letak kenderaan.
14. **REKABENTUK GREEN BUILDING :**
Digalakkan rekabentuk bangunan yang mempunyai ciri-ciri 'Green Building' seperti menyediakan bukaan / ruang untuk pencahayaan dan pengudaraan semulajadi, tadahan air hujan untuk kitar semula serta lain-lain keperluan.
15. **AKTA KILANG & JENTERA 1967 & AKTA KESELAMATAN & KEBERSIHAN PEKERJAAN 1994.**
Pemaju hendaklah memastikan bahawa kontraktor mematuhi peruntukan Akta Kilang & Jentera 1967 serta Akta Keselamatan & Kebersihan 1994 dan berdaftar di bawah Akta CIDB (Akta 520).
16. **LANGKAH-LANGKAH BERIKUT HENDAKLAH DIAMBIL DI TAPAK BINAAN BAGI MENGATASI MASALAH PEMBIAKAN NYAMUK AEDES.**
Pemaju dikehendaki menubuhkan pasukan / kumpulan pencegahan denggi terdiri daripada kakitangan syarikat atau kalangan pekerja untuk menjalankan tugas-tugas pemusnahan tempat / punca pembiakan nyamuk, menjalankan kerja pengabusan (*fogging*), mendapat khidmat 'Pest Control Operator' (PCO) dan Pejabat Kesihatan Daerah untuk kerja-kerja pencegahan dan program pendidikan di kalangan pekerja.
17. **KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN DI TAPAK BINAAN HENDAKLAH DIADAKAN SEPerti BERIKUT :**
- a) **Lori Pembinaan.**
Mengawal kelajuan kenderaan dan pencemaran habuk dengan membasahkan jalan serta mengelakkan menggunakan jalan pendudukan. Kenderaan hendaklah ditutup bagi mengelakkan bahan dan sisa binaan jatuh ke atas jalan. Tempat basuhan tayar lori (*tyre bath*) hendaklah disediakan di pintu keluar tapak binaan.
 - b) **Kerja-kerja Cerucuk.**
Kerja-kerja cerucuk dan binaan dihadkan dari jam 8:00 pagi - 6:00 petang dan menggunakan kaedah "*injection pile*". Cerucuk bakau tidak digalakkan. Kebenaran bertulis dari MBSP perlu diperolehi terlebih dahulu sekiranya kerja-kerja dijalankan melebihi masa yang ditetapkan dan hari yang disebutkan. Kerja-kerja pembinaan tidak dibenarkan pada hari Ahad dan cuti umum.
 - c) **Kerja-kerja Tanah, Perparitan Dan Jalan.**
Perlu disiapkan mengikut spesifikasi sebelum kerja bangunan dimulakan untuk mengelak banjir kilat.
 - d) Pemohon hendaklah memastikan perkara-perkara di bawah yang bermula di peringkat tanah dikekalkan sehingga siap kerja bangunan iaitu :
 - i) Kolam cetek bersih tayar kenderaan yang sempurna.

Catitan : Tandakan yang berkaitan

- ii) Dua (2) buah 'Water Jet Pressure' untuk membersihkan kenderaan keluar dari tapak.
- iii) Jalan konkrit sehingga ke jalan awam.
- iv) Mengadakan parit keliling tanah sementara pada paras jiran sediaada dan paras tambunan di sekeliling lot parit keliling pada plot-plot bangunan serta selaras dengan jejarian parit kekal yang akan dibina kelak.
- v) Kolam pemendapan.

18. **PENGASINGAN SISA DI PUNCA.**
Pemaju / kontraktor hendaklah melakukan pelupusan sisa melalui kaedah pengasingan sisa dipunca atau kitar semula. Pembakaran terbuka di tapak pembinaan adalah di larang sama sekali.
19. **PERLAKSANAAN SISTEM PEMANTAUAN PINTAR (SMART MONITORING SYSTEM) :**
Pemaju dikehendaki memuat naik gambar-gambar di tapak secara berkala melalui Sistem Pemantauan Pintar di alamat <http://penilaian.mpsp.gov.my/pemantauankerja> meliputi gambar-gambar sebelum pembangunan, kerja-kerja permulaan peringkat kerja tanah, pembinaan infrastruktur dan seterusnya peringkat pembinaan bangunan sehingga siap sepenuhnya. ID Pengguna dan Kata Laluan adalah seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Kejuruteraan.
20. **PEMAJU HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA KONTRAKTOR MEMATUHI PERUNTUKAN AKTA KILANG DAN JENTERA 1967 DAN AKTA KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN PEKERJAAN 1994 UNTUK PERKARA BERIKUT :**
- 20.1 Kontraktor utama di suatu tapak kerja hendaklah melantik Penyelia Keselamatan Tapak sepenuh masa untuk menyelia dan menggalakkan tingkahlaku kerja yang selamat di tapak kerja pembinaan.
 - 20.2 Kontraktor utama hendaklah menyediakan latihan dalaman berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan semasa bekerja untuk semua pekerja binaan.
 - 20.3 Kontraktor utama di suatu tapak kerja hendaklah membekalkan topi keselamatan, kasut keselamatan, cermin mata keselamatan (*goggles*) dan lain-lain peralatan keselamatan yang mana mungkin didapati perlu dari masa ke semasa kepada pekerja.
 - 20.4 Tapak kerja hendaklah dipagari sepenuhnya dengan pengadang (*hoarding*) dengan demikian dapat melindungi pihak awam daripada kerja yang sedang dijalankan. Pengadang (*hoarding*) hendaklah direkabentuk dengan sempurna dengan ketinggian minima pada 2.44 meter dan dibina menggunakan bahan-bahan yang sesuai pada kekuatan yang cukup untuk menampung dengan selamat beban dan tegasan di mana ianya akan dikenakan dan hendaklah diselenggarakan semuanya dalam keadaan baik. Di mana pengadang (*hoarding*) yang bersempadan dengan tempat orang awam lalu-lalang, bumbung yang sesuai pada kekuatan yang cukup hendaklah dipasang untuk melindungi orang awam daripada objek yang jatuh.
 - 20.5 Tanda amaran dan lampu amaran yang sesuai dan mencukupi hendaklah dipasang jika terdapat pergerakan lalu-lintas kenderaan keluar dan masuk tapak kerja yang mana mungkin menyebabkan bahaya kepada pihak awam dan apabila perlu lalu-lintas hendaklah dikawal oleh orang yang bertanggungjawab (*designated person*).
 - 20.6 Semasa meroboh dinding luar pada struktur melebihi ketinggian 12.2 meter pelantar perangkap (*catch platform*) yang direkabentuk oleh Jurutera Bertauliah hendaklah disediakan sepanjang bahagian luar dinding, apabila perlu, untuk mengelakkan kecederaan kepada orang awam.
 - 20.7 Bilamana bahan-bahan dijatuhkan (dibuang) melebihi 6 meter pada sebarang tempat disebelah luar dinding-dinding luaran pada bangunan, saluran yang tertutup (*an enclosed chute*) daripada kayu atau bahan-bahan yang sama kekuatannya hendaklah digunakan.
 - 20.8 Perancah (*scaffold*) dan jaring keselamatan pugak (*peripheral netting*) hendaklah dipasang satu tingkat lebih tinggi daripada struktur tingkat yang sedang dalam pembinaan. Setiap perancah (*Scaffold*) yang mencapai 15 meter tinggi hendaklah dibina berdasarkan lukisan dan rekabentuk oleh Jurutera Bertauliah.

Catitan : Tandakan yang berkaitan

Jaring Keselamatan pugak (*peripheral netting*) hendaklah berkualiti baik dan hendaklah dipasang pada struktur yang kukuh dan cukup kekuatannya.

- 20.9 Pelantar beban (*loading platform*) hendaklah sempurna pembinaannya, daripada bahan yang sesuai dan cukup kekuatannya untuk tujuan di mana ianya diguna dan direkabentuk oleh Jurutera Bertauliah.
- 20.10 Tiada mana-mana bahagian kren boleh keluar melepasi dinding pengadang (*hoarding*) atau pagar di kawasan tapak kerja.
- 20.11 Rekabentuk tempat penginapan sementara untuk pekerja-pekerja hendaklah mematuhi kehendak / arahan Pihak Berkuasa Tempatan dan hendaklah mengambil kira untuk mencegah pembiakan nyamuk, lalat, tikus dan lain-lain haiwan perosak.

21. Pemaju hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan jabatan teknikal sebelum CCC (Borang F) dikeluarkan. Sebarang pindaan hendaklah dikemukakan semula untuk pertimbangan pihak Majlis.

22. **PEMASANGAN PERANTI PENJIMATAN AIR (WSD)**
Pihak Pemaju hendaklah menggunakan produk peranti penjimatan air (WSD) yang mematuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan oleh PBAPP di dalam *PBAPP Specification For Water Efficient Products*.

Majlis berhak mengarahkan pihak tuan berhenti kerja serta-merta sekiranya didapati pihak tuan gagal mengambil langkah mematuhi syarat-syarat tersebut.

Catitan : Tandakan yang berkaitan